

11 SEP 2002

Tioman-Pembangunan

TAMAN LAUT: PEMBANGUNAN TIOMAN PERLU PERANCANGAN

KUANTAN, 11 Sept (Bernama) -- Pembangunan di Pulau Tioman perlu dilakukan dengan perancangan yang rapi bagi memastikan kedudukannya sebagai sebuah taman laut tidak terjejas.

Ketua Pengarah Perikanan Datuk Hashim Ahmad berkata pihaknya tiada halangan bagi sebarang pembangunan di pulau tersebut tetapi ia hendaklah dipastikan tidak akan menjejaskan ekologi dan kehidupan marin pulau itu.

Hashim berkata beliau percaya pembangunan di pulau tersebut akan dilakukan dengan sebaik mungkin kerana Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad sendiri telah menekankan pembangunannya hendaklah mengekalkan ekosistem dan keadaan semula jadinya.

"Saya rasa walaupun pulau itu diberi status pulau bebas cukai, keadaan semula jadi dan ekosistem pulau tersebut seperti yang ditekankan Perdana Menteri tetap dijaga.

"Ini kerana pelancong datang ke sana terutamanya untuk melihat tarikan dan keindahannya," katanya kepada pemberita hari ini.

Beliau berada di sini bagi menghadiri Persidangan Pegawai-Pegawai Kanan Perikanan Malaysia dari 11 hingga 14 Sept.

Menurutnya, tujuan asal menjadikan Tioman sebagai taman laut ialah untuk memelihara khazanah laut seperti terumbu karang, ikan dan hidupan marin lain.

"Dalam pembangunan mana-mana pulau yang diisytiharkan sebagai taman laut kita nasihatkan pembangunan terancang, apa aktiviti yang dirancang di daratan mestilah mengambil kira hidupan di dasar laut.

"Adalah menjadi tanggungjawab semua pihak untuk menjaga kepentingan dan mengawal supaya air laut tidak tercemar dan menjejaskan sumber marin," katanya.

Hashim berkata sejak pulau itu diwartakan sebagai taman laut jabatannya sentiasa melakukan aktiviti pemulihan dan penjagaan, bagaimanapun tugas itu bukan sahaja menjadi tugas Jabatan Perikanan tetapi perlu dilakukan oleh semua pihak termasuk pelancong dan penduduk tempatan.

-- BERNAMA

ZAM HIS NMO